



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PROSES PEMBEZAAN, POLARISASI DAN PEMBENTUKAN  
SUBBUDAYA PELAJAR DALAM SISTEM PENGALIRAN  
DI SEKOLAH MENENGAH**

**NORAIZAH BINTI SHAHARUDDIN**

**FPP 2001 7**

**PROSES PEMBEZAAN, POLARISASI DAN PEMBENTUKAN  
SUBBUDAYA PELAJAR DALAM SISTEM PENGALIRAN  
DI SEKOLAH MENENGAH**

**Oleh**

**NORAIZAH BINTI SHAHARUDDIN**

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**November 2001**



Teristimewa buat,

Ayahanda dan Bonda yang tercinta....

*Hj. Shaharuddin Shamsuddin dan Hajah Salimah Sahari*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat bagi mendapatkan ijazah Master Sains

**PROSES PEMBEZAAN, POLARISASI DAN PEMBENTUKAN  
SUBBUDAYA PELAJAR DALAM SISTEM PENGALIRAN DI  
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

**NORAIZAH BT. SHAHARUDDIN**

**November 2001**

**Pengerusi : Profesor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Sistem pengaliran dijalankan di sekolah-sekolah untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Secara khususnya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji tentang sistem pengaliran yang menyebabkan berlakunya proses pembezaan, polarisasi dan pembentukan subbudaya pelajar. Ini mempengaruhi persepsi pelajar terhadap guru, kurikulum dan sekolah.

Kajian ini berbentuk deskriptif. Sebanyak tiga buah sekolah menengah lelaki di pinggir bandar Kuala Lumpur telah dipilih dalam kajian ini. Seramai 366 orang pelajar sekolah tersebut telah diambil sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat dari kelas yang terbaik dan terlemah. Data diperolehi

dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Perbincangan terbuka juga diadakan bersama responden dan pihak pentadbir sekolah bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

Analisis deskriptif telah menunjukkan bahawa sistem pengaliran yang dijalankan di sekolah telah menyebabkan berlakunya proses pembezaan dan polarisasi di kalangan pelajar yang dialirkkan. Ini juga menyebabkan pelajar membentuk subbudaya yang pro atau antibudaya sekolah. Bagi pelajar yang probudaya sekolah mereka lebih bersikap positif terhadap sekolah dan mempunyai tahap rasa kekitaan yang tinggi terhadap sekolah berbanding pelajar yang antibudaya sekolah. Oleh itu sewajarnyalah sistem pengaliran ini dikaji semula.

Implikasi teoritikal dan praktikal turut dibincangkan. Selain itu, beberapa alternatif untuk sistem pengaliran diberikan. Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya turut dikemukakan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfilment of requirements for the degree of Master of Science

**A PROCESS OF DIFFERENTIATION, POLARIZATION AND  
STUDENT'S SUBCULTURES DUE TO STREAMING IN  
SECONDARY SCHOOL**

By

**Noraizah binti Shaharuddin**

**November 2001**

**Chairman : Professor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.**

**Faculty : Faculty of Educational Studies**

Streaming is done in school to facilitate the learning and teaching process in the classroom. Specifically, the main aim of this study is to explore the effects of streaming on differentiation, polarization and the formation of subcultures among students, which influence their perceptions towards teachers, the curriculum and the school.

This study is descriptive in nature. The sample size of this study consisted of 366 students from three secondary boys school in suburban area in Kuala Lumpur. Only students from the best and the lowest classes in forms two and four were selected. Data obtained through questionnaires were analysed using the descriptive and

inferential statistics. Open interviews of the respondents and school administrators were also conducted to further strengthen the findings of this study.

The descriptive analysis of data showed that streaming in schools caused differentiation and polarization among students. Student in the higher stream appear to adopt a positive attitude towards the school culture. They also have a higher level of school membership as compared to those who are in the lowest stream. This showed that streaming should be reevaluated.

The theoretical and practical implications and alternatives for streaming were discussed. Several recommendations for further studies were also proposed.

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya tesis ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis saya, Profesor Datin Dr. Sharifah Md. Nor yang telah sudi memberi panduan, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang amat berharga. Usaha dan kesabaran beliau yang berterusan bagi membantu saya menyiapkan tesis ini, amat saya sanjungi dan hargai. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya ucapkan kepada ahli jawatan kuasa panel penyeliaan tesis saya iaitu Profesor Dr. Othman b. Dato' Haji Mohamed dan Profesor Madya Dr. Wan Zah bt. Wan Ali di atas idea dan bimbingan yang diberikan. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Ramlah Hamzah yang telah sudi memberikan pandangan yang amat berguna.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Siti Suria Salim, pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan para pelajar sesi 2000 serta semua yang terlibat dalam kajian ini. Juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan kerana telah memberi kebenaran dan kerjasama kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua ayahanda dan bonda, abang, adik dan kaum keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, memberi sokongan dan semangat untuk saya menamatkan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sejawat dan pihak pentadbir di SMK (L) Methodist Sentul yang telah banyak bertolak ansur dan memberi kelonggaran masa kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Semoga Allah s.w.t memberi balasan yang sebaik-baiknya atas jasa dan pengorbanan semua. Amin.

## ISI KANDUNGAN

|                   |     |
|-------------------|-----|
| DEDIKASI          | ii  |
| ABSTRAK           | iii |
| ABSTRACT          | v   |
| PENGHARGAAN       | vii |
| PENGESAHAN        | ix  |
| PERAKUAN          | xi  |
| SENARAI JADUAL    | xvi |
| SENARAI RAJAH     | xix |
| SENARAI SINGKATAN | xx  |

## BAB

|                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| <b>1 PENGENALAN</b>                 |    |
| Pendahuluan                         | 1  |
| Latar Belakang Kajian               | 2  |
| Pernyataan Masalah                  | 6  |
| Objektif Kajian                     | 7  |
| Kepentingan Kajian                  | 8  |
| Batasan Kajian                      | 9  |
| Definisi Operasional                | 10 |
| Sistem Pengaliran                   | 11 |
| Pembezaan                           | 11 |
| Polarisasi                          | 11 |
| Pola Persahabatan                   | 12 |
| Status Ekonomi Sosial               | 12 |
| Proses                              | 13 |
| Budaya Pelajar                      | 13 |
| Subbudaya Pelajar                   | 14 |
| Rasa Kekitaan Terhadap Sekolah      | 15 |
| Penglibatan Pelajar Dalam Pelajaran | 16 |
| Prestasi Akademik                   | 16 |
| Pelajar Lemah                       | 17 |
| Pelajar Pandai                      | 17 |
| Kelas Lemah                         | 18 |
| Kelas Baik                          | 18 |

|          |                                                          |    |
|----------|----------------------------------------------------------|----|
| <b>2</b> | <b>SOROTAN LITERATUR</b>                                 |    |
|          | Pendahuluan                                              | 19 |
|          | Teori Sosialisasi                                        | 20 |
|          | Teori Pembezaan dan Polarisasi                           | 24 |
|          | Teori Melabel Pelajar                                    | 33 |
|          | Teori Devian                                             | 36 |
|          | Sikap Devian di Kalangan Pelajar                         | 36 |
|          | Profil Pelajar di Kelas Lemah                            | 39 |
|          | Teori Kerapatan                                          | 40 |
|          | Kesimpulan Teori                                         | 42 |
|          | Sistem Pengaliran                                        | 42 |
|          | Rasa Kekitaan                                            | 52 |
|          | Budaya Sekolah                                           | 55 |
|          | Subbudaya Sekolah                                        | 57 |
|          | Masalah Disiplin Pelajar                                 | 63 |
|          | Masalah-masalah Disiplin yang Sering Timbul              | 64 |
|          | Penglibatan Pelajar Dalam Pelajaran                      | 65 |
|          | Persepsi Pelajar Terhadap Guru, Kurikulum<br>Dan Sekolah | 72 |
|          | Persepsi Pelajar Terhadap Guru                           | 73 |
|          | Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum<br>dan Sekolah       | 77 |
|          | Kesimpulan                                               | 79 |
| <b>3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                                 |    |
|          | Pendahuluan                                              | 82 |
|          | Rekabentuk Kajian                                        | 83 |
|          | Sampel Kajian                                            | 84 |
|          | Sekolah                                                  | 84 |
|          | Pelajar                                                  | 84 |
|          | Pentadbir                                                | 85 |
|          | Penetapan Bilangan Sampel                                | 86 |
|          | Kaedah Persampelan                                       | 87 |
|          | Alat Kajian                                              | 88 |
|          | Keesahan Alat Kajian                                     | 89 |
|          | Kebolehpercayaan Alat Kajian                             | 90 |
|          | Tatacara Kajian                                          | 91 |
|          | Pengendalian Kajian                                      | 92 |
|          | Teknik Penganalisaan Data                                | 94 |

|          |                                                                   |     |
|----------|-------------------------------------------------------------------|-----|
| <b>4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                             |     |
|          | Pendahuluan                                                       | 98  |
|          | Biodata Responden                                                 | 98  |
|          | Pembezaan di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                      | 99  |
|          | Polarisasi di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                     | 106 |
|          | Pola Persahabatan di Kalangan Pelajar<br>Yang Dialirkan           | 106 |
|          | Pola Aktiviti Kokurikulum di Kalangan Pelajar<br>Yang Dialirkan   | 109 |
|          | Subbudaya di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                      | 111 |
|          | Rasa Kekitaan di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                  | 111 |
|          | Penglibatan Pelajar dalam Pelajaran                               | 119 |
|          | Persepsi Pelajar Yang Dialirkan Terhadap Guru                     | 128 |
|          | Persepsi Pelajar Yang Dialirkan<br>Terhadap Kurikulum dan Sekolah | 132 |
|          | Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Yang<br>Dialirkan            | 135 |
| <b>5</b> | <b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN<br/>CADANGAN</b>         |     |
|          | Pendahuluan                                                       | 141 |
|          | Rumusan                                                           | 141 |
|          | Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian                            | 141 |
|          | Metodologi                                                        | 142 |
|          | Dapatkan Utama Kajian                                             | 143 |
|          | Perbincangan                                                      | 145 |
|          | Pembezaan di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                      | 145 |
|          | Pola Persahabatan di Kalangan Pelajar Yang<br>Dialirkan           | 150 |
|          | Pola Aktiviti Kokurikulum di Kalangan Pelajar<br>Yang Dialirkan   | 152 |
|          | Rasa Kekitaan di Kalangan Pelajar Yang Dialirkan                  | 153 |
|          | Penglibatan Pelajar Dalam Pelajaran                               | 156 |
|          | Persepsi Pelajar Yang Dialirkan Terhadap Guru                     | 162 |
|          | Persepsi Pelajar Yang Dialirkan<br>Terhadap Kurikulum dan Sekolah | 165 |
|          | Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar<br>Yang Dialirkan            | 166 |
|          | Kesimpulan                                                        | 168 |
|          | Implikasi Teoritikal                                              | 170 |

|                                  |     |
|----------------------------------|-----|
| Implikasi Praktikal              | 171 |
| Akademik                         | 171 |
| Pengajaran Dan Pembelajaran      | 172 |
| Sistem Pengaliran                | 172 |
| Cadangan                         | 174 |
| Cadangan untuk Kajian Seterusnya | 180 |
| BIBLIOGRAFI                      | 182 |
| LAMPIRAN A                       | 186 |
| VITA                             | 207 |

## SENARAI JADUAL

| Jadual                                                                                                           | Halaman |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1 Biodata Responden                                                                                              | 99      |
| 2 Frekuensi dan peratusan mobiliti pelajar dalam aliran sebelum dan semasa tahun kajian                          | 101     |
| 3 Peratusan pendapatan ibu bapa mengikut pelajar yang dialirkan                                                  | 102     |
| 4 Peratusan tahap pendidikan ibu mengikut pelajar yang dialirkan                                                 | 103     |
| 5 Peratusan tahap pendidikan bapa mengikut pelajar yang dialirkan                                                | 103     |
| 6 Peratusan pekerjaan bapa mengikut pelajar yang dialirkan                                                       | 104     |
| 7 Peratusan pekerjaan ibu mengikut pelajar yang dialirkan                                                        | 104     |
| 8 Jumlah dan peratusan pelajar yang dialirkan dari segi keturunan                                                | 106     |
| 9 Peratusan pelajar yang dialirkan tentang pola persahabatan                                                     | 109     |
| 10 Peratusan pelajar yang dialirkan tentang aktiviti kokurikulum                                                 | 110     |
| 11 Peratusan aktiviti kokurikulum pelajar yang dialirkan (mengikut jenis)                                        | 111     |
| 12 Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan dari segi rasa kekitaan terhadap sekolah                    | 112     |
| 13 Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan mengikut tingkatan dari segi rasa kekitaan terhadap sekolah | 113     |

|    |                                                                                                                                  |     |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 14 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang rasa kekitaan                                                                           | 116 |
| 15 | Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan dari segi penglibatan pelajar dalam pelajaran                                  | 119 |
| 16 | Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan mengikut tingkatan dari segi penglibatan pelajar dalam pelajaran               | 120 |
| 17 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang penglibatan pelajar dalam pelajaran                                                     | 121 |
| 18 | Peratusan kelulusan dalam subjek teras berdasarkan tingkatan empat dan aliran (peperiksaan semester pertama)                     | 126 |
| 19 | Peratusan kelulusan dalam subjek teras berdasarkan tingkatan dua dan aliran (peperiksaan semester pertama)                       | 127 |
| 20 | Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan dari segi persepsi terhadap guru                                               | 128 |
| 21 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang persepsi pelajar terhadap guru                                                          | 129 |
| 22 | Ujian- <i>t</i> membezakan pelajar yang dialirkan mengikut tingkatan dari segi persepsi terhadap guru                            | 132 |
| 23 | Ujian- <i>t</i> membezakan persepsi pelajar yang dialirkan terhadap kurikulum dan sekolah                                        | 133 |
| 24 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang persepsi pelajar terhadap kurikulum dan sekolah                                         | 134 |
| 25 | Ujian- <i>t</i> membezakan persepsi pelajar terhadap kurikulum dan sekolah di kalangan pelajar yang dialirkan mengikut tingkatan | 135 |
| 26 | Jumlah ponteng semester satu mengikut sekolah                                                                                    | 137 |

|    |                                                                                               |     |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 27 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang pola persahabatan (semua item)                       | 186 |
| 28 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang pola aktiviti kokurikulum (semua item)               | 187 |
| 29 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang rasa kelestaan (semua item)                          | 188 |
| 30 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang penglibatan dalam pelajaran (semua item)             | 191 |
| 31 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang persepsi terhadap guru (semua item)                  | 193 |
| 32 | Peratusan pelajar yang dialirkan tentang persepsi terhadap kurikulum dan sekolah (semua item) | 195 |

## SENARAI RAJAH

| Rajah                                                                                           | Halaman |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1 Model Proses pembezaan, polarisasi dan pembentukan subbudaya pelajar dalam sistem pengaliran. | 81      |

## SENARAI SINGKATAN

|       |                                        |
|-------|----------------------------------------|
| FPN   | Falsafah Pendidikan Negara             |
| SES   | Status Ekonomi Sosial                  |
| UPSR  | Ujian Penilaian Sekolah Rendah         |
| PMR   | Penilaian Menengah Rendah              |
| SPM   | Sijil Pelajaran Malaysia               |
| SKK   | Sekolah ke Kerjaya                     |
| PK1   | Penolong Kanan Satu                    |
| PKHEM | Penolong Kanan Hal Ehwal Murid         |
| SSP   | Soal Selidik Pelajar                   |
| P&P   | Pengajaran dan Pembelajaran            |
| BM    | Bahasa Melayu                          |
| BI    | Bahasa Inggeris                        |
| Mtk   | Matematik                              |
| Sej   | Sejarah                                |
| Geo   | Geografi                               |
| Sns   | Sains                                  |
| KH    | Kemahiran Hidup                        |
| SPSS  | Statistical Package for Social Science |

|    |                    |
|----|--------------------|
| 4P | Tingkatan 4 Pandai |
| 4L | Tingkatan 4 Lemah  |
| 2P | Tingkatan 2 Pandai |
| 2L | Tingkatan 2 Lemah  |
| SP | Sisihan Piawai     |
| dk | darjah kebebasan   |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Pendahuluan**

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan yang penting dalam menjana pendidikan kepada individu. Namun salah satu daripada fungsi tersirat sekolah juga adalah untuk menapis para pelajar bagi dialirkan ke aliran-aliran tertentu. Sistem pengaliran merupakan satu strategi tindak balas terhadap pembezaan kebolehan yang wujud di kalangan pelajar terutamanya dari segi akademik. Pelajar yang pandai akan di alirkan ke aliran baik dan pelajar yang tidak pandai akan dialirkan ke aliran lemah. Hal ini berlaku disebabkan oleh keperluan guru dan pentadbiran serta untuk menyenangkan proses pengajaran dan pembelajaran dan juga oleh tekanan peperiksaan iaitu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik. Secara tidak langsung menyebabkan wujudnya proses pembezaan, polarisasi dan pembentukan subbudaya di kalangan pelajar. Fungsi sekolah ini telah menyimpang daripada matlamat asal Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Falsafah Pendidikan Negara merupakan satu usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu, matlamat pendidikan

adalah untuk memberikan pendidikan yang sama kepada semua pelajar. Namun begitu, sistem pengaliran yang diamalkan kini secara tidak langsung telah menyebabkan guru-guru dan pihak pentadbir kurang penghayatan terhadap falsafah ini dalam melaksanakan kurikulum. Ini menyebabkan perlaksanaan kurikulum tidak menuju kepada apa yang dihasratkan. Tambahan pula, pendidikan hari ini lebih berorientasikan kepada peperiksaan iaitu pelajar ditekankan kepada aspek penguasaan akademik dan peperiksaan sahaja.

### **Latarbelakang Kajian**

Sistem pengaliran yang dijalankan di sekolah telah menyebabkan pelajar dialirkkan ke aliran tertentu mengikut kebolehan akademik. Pengaliran ini merupakan satu fenomena yang biasa dilihat di sekolah-sekolah di Malaysia hari ini khasnya di sekolah harian kerajaan. Sistem ini telah dijalankan sekian lama dan telah menjadi budaya pihak pengurusan sekolah dalam menangani masalah pelajar yang pelbagai kebolehan. Sistem ini dibuat berdasarkan 'budi bicara' pihak pengurusan di sekolah dalam usaha untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk menjaga peratus kelulusan peperiksaan di sekolah amnya dan peperiksaan awam seperti UPSR, PMR dan SPM khasnya.

Salah satu tujuan pengaliran ialah untuk memudahkan perancangan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap dan kebolehan akademik

pelajar. Sistem pengaliran ini juga memudahkan para guru untuk meningkatkan prestasi pelajar di kelas pandai dan membantu mengadakan pemulihian untuk kelas lemah. Tetapi pengaliran didapati memberi kesan yang negatif terutamanya di kelas lemah. Ini kerana pelajar di kelas lemah sering dibeza-bezakan dari segi kemudahan pembelajaran di sekolah, layanan dan jangkaan guru-guru terutamanya dalam bidang akademik. Maka tujuan pengaliran yang dibuat untuk membantu pelajar tidak dapat dicapai sepenuhnya, sebaliknya menyebabkan terbentuknya subbudaya di kalangan pelajar yang dialirkan sama ada pro atau antibudaya sekolah.

Ternyata sistem pengaliran yang dijalankan oleh pihak sekolah ini telah menyimpang dari matlamat asal FPN yang ingin memberi pendidikan yang sama dan seimbang kepada semua pelajar. Hal ini disebabkan pendidikan hari ini lebih berorientasikan peperiksaan. Setiap sekolah sentiasa bersaing untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang tanpa menghiraukan kualiti individu yang dilahirkan. Ini juga turut disebabkan oleh desakan ibu bapa pelajar sendiri dan masyarakat yang inginkan pelajar cemerlang dalam akademik. Para pelajar ini diukur kebolehan mereka hanya berdasarkan keputusan peperiksaan yang dicapai. Berdasarkan perkara di ataslah maka sekolah terpanggil untuk mengasingkan pelajar mengikut kebolehan akademik supaya mereka dapat diajar mengikut kebolehan dan tahap pencapaian akademik mereka.